

## WARISAN NEGERI-NEGERI MELAYU

Abu Hanifah Haris<sup>1</sup>

### Pengenalan

Tajuk “Warisan Negeri-Negeri Melayu” merupakan tajuk ketiga di dalam Bab 3 (Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa). Terdapat empat subtajuk yang terdapat dalam tajuk “3.1 Warisan Negeri-Negeri Melayu” iaitu “3.3.1 Johor – Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor”, “3.3.2 Kelantan Sistem Jemaah Menteri”, “3.3.3 Terengganu – Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu (*Ittiqan-ilmuluk bi-ta’dil il-suluk*)”, dan subtajuk terakhir iaitu “3.4 Negeri Sembilan – Prinsip Demokrasi dan Konsep Persekutuan”. Bab 3 pula tergolong dalam Tema 11 (Pembinaan Negara dan Bangsa ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat). Aspek warisan negeri-negeri Melayu dalam Tema 11 dapat dilihat dalam *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 5* seperti berikut:

Sejarah pembinaan negara Malaysia bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kesenambungan pembinaan negara dan bangsa Malaysia dapat dilihat dengan jelas pada zaman kerajaan Johor dan Terengganu dengan perlembagaan bertulisnya, kerajaan Kelantan dengan sistem Jemaah Menterinya dan Negeri Sembilan dengan prinsip demokrasi dan konsep persekutuan.<sup>2</sup>

Secara umumnya, tajuk “Warisan Negeri-Negeri Melayu” membincangkan bagaimana sistem pemerintahan yang diamalkan Kesultanan Melayu Melayu telah diwarisi dan dijadikan model pemerintahan oleh beberapa negeri Melayu yang lain, khususnya Johor, Perak dan Pahang. Antara aspek sosiopolitik yang diwarisi dari Kesultanan Melayu Melaka ialah adat

---

<sup>1</sup> Dr. Abu Hanifah Haris merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Emel: [abuhanifah@um.edu.my](mailto:abuhanifah@um.edu.my)

<sup>2</sup> *Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Sejarah Tingkatan 5*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002, hlm. 30.

istiadat Melayu, agama Islam dan bahasa Melayu yang diamalkan secara meluas di negeri-negeri tersebut. Hal ini menggambarkan kepentingan Kesultanan Melayu Melayu sebagai model yang menjadi rujukan negeri-negeri Melayu yang lain melihat kepada pelbagai pencapaian yang telah dicapai oleh Kesultanan Melayu Melayu ketika zaman kegemilangannya.

Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada tiga perkara. Pertama, pendedahan kepada sumber sejarah seperti dokumen berkaitan tajuk dan subtajuk. Hal ini kerana antara masalah yang dihadapi oleh guru Sejarah ialah ramai guru terus menggunakan bahan pengajaran yang sama kerana kekurangan bahan pengajaran termasuklah sumber Sejarah bagi meningkatkan pemahaman dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.<sup>3</sup> Oleh itu, perhatian perlu diberikan bagi membekalkan bahan-bahan berbentuk pembuktian sumber seperti dokumen yang amat berguna membantu guru-guru dalam pengajaran Sejarah. Kedua, maklumat lanjut atau huraian tambahan berkaitan fakta-fakta sejarah yang terdapat dalam buku teks, tetapi tidak dibincangkan dalam buku teks. Hal ini bagi memastikan guru dapat menghuraikan sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih mendalam dan lebih jelas, sekali gus dapat memantapkan pemahaman terdapat peristiwa sejarah dalam kalangan para guru, selain dapat meningkatkan minat para pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Ketiga, isu atau persoalan berkaitan tajuk dan subtajuk, berserta contoh soalan termasuklah soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berkaitan. Hal ini bagi membolehkan guru membuat latihan menjawab soalan dan membincangkan soalan penting yang mungkin akan ditanya dalam peperiksaan kelak.

---

<sup>3</sup> Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, "Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia", *Jebat*, Vol. 39, No. 2, 2012, hlm. 135.

### Warisan Negeri-Negeri Melayu (3.3)

Berdasarkan *Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima*, dinyatakan bahawa antara unsur warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan di negeri-negeri Melayu ialah sistem pemerintahan negeri Johor, Perak, dan Pahang adalah berdasarkan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Selain itu, warisan Kesultanan Melayu Melaka seperti adat istiadat Melayu, agama Islam dan Bahasa Melayu berkembang di negeri-negeri tersebut. Majoriti kerajaan tersebut juga diasaskan oleh kerabat diraja Melaka. Semua pemerintah negeri tersebut juga menggunakan gelaran Sultan pada awal nama masing-masing. Pada masa yang sama, sistem warisan takhta di negeri-negeri tersebut juga mementingkan jurai keturunan sebelah bapa. Putera sulung sultan dengan permaisurinya juga selalunya berpeluang mewarisi takhta kerajaan. Sekiranya sultan tidak mempunyai putera, adik lelaki sultan boleh mewarisi takhta. Negeri-negeri tersebut juga mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan seperti yang diamalkan oleh Melaka, dan perbezaan antara ketiga-tiga negeri tersebut ialah dari segi gelaran pembesarnya disebabkan perubahan semasa dan penyesuaian dengan keadaan tempatan. Kitab undang-undang negeri-negeri tersebut juga disalin dan dipinda berdasarkan *Hukum Kanun Melaka* untuk disesuaikan dengan unsur tempatan. Contohnya, *Undang-Undang Pahang* telah disusun oleh Sultan Abdul Ghapur Muhaiyuddin Syah pada tahun 1596.<sup>4</sup>

Terdapat beberapa maklumat lanjut berkenaan Sultan Abdul Ghapur Muhaiyuddin Syah dan *Undang-Undang Pahang* yang terdapat dalam beberapa tulisan lain.<sup>5</sup> Sultan Abdul Ghapur Muhaiyuddin Syah (juga dieja dengan nama Sultan Abd al-Ghafur Muhaiyuddin Shah dalam

---

<sup>4</sup> Lihat Ramlah Adam et al., *Sejarah Tingkatan Lima: Buku Teks*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 80.

<sup>5</sup> Untuk maklumat lanjut tentang *Undang-Undang Pahang*, lihat J.E. Kempe & R.O. Winstedt, "A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah, Sultan of Pahang 1592–1614 A.D. with Undated Additions", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 21, Pt. 1, 1948, hlm. 1-67; R.W. Jakeman, "The Pahang Kanun of Sultan Abdul Ghafur, Another Text", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. XXIV, Pt. 3, 1951, hlm. 150; Liaw Yock Fang, *A History of Classical Malay Literature*, Terj. Razif Bahari & Harry Aveling, Singapore: ISEAS Publishing, 2013, hlm. 434.

beberapa tulisan) merupakan Sultan Pahang yang memerintah antara tahun 1592 hingga 1614. Pengaruh undang-undang Islam juga lebih jelas dalam *Undang-Undang Pahang* berbanding *Hukum Kanun Melaka*, malah hampir separuh daripada *Undang-Undang Pahang* adalah berteraskan undang-undang Islam. Daripada 93 fasal yang terdapat dalam *Undang-Undang Pahang*, Fasal 24 hingga Fasal 68 adalah bersandarkan kepada undang-undang Islam berdasarkan mazhab Syafie dan membincangkan hukum jual beli, hutang, sewa harta, wakaf harta, dan jenayah. Pengaruh undang-undang Islam lebih jelas kelihatan dalam *Undang-Undang Pahang* kerana *Hukum Kanun Melaka* ditulis sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, manakala *Undang-Undang Pahang* ditulis selepas kedatangan Islam di Tanah Melayu.<sup>6</sup>

Bagi mendapatkan gambaran dan perbincangan lanjut tentang *Hukum Kanun Melaka*, guru-guru dicadangkan merujuk tulisan-tulisan berikut.<sup>7</sup> Terdapat juga beberapa undang-undang tubuh negeri-negeri Melayu yang telah digubal sebelum Perang Dunia Kedua. Selain *Undang-Undang Pahang*, kitab undang-undang di Kedah dan Perak iaitu *Undang-Undang Kedah* dan *Undang-Undang 99 Pera* turut digubal berdasarkan *Hukum Kanun Melaka*. Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang *Undang-Undang Kedah*, guru-guru dicadangkan untuk merujuk tulisan-tulisan berikut.<sup>8</sup> Beberapa tulisan juga membincangkan tentang *Undang-Undang 99 Perak*.<sup>9</sup>

<sup>6</sup> Abdul Kadir Hj. Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 16.

<sup>7</sup> Untuk maklumat lanjut tentang *Hukum Kanun Melaka*, lihat R.O. Winstedt, "The Date of the Malacca Legal Codes", *Journal of Royal Asiatic Society*, Pt. 1 & 2, 1953, hlm. 31-33; R.O. Winstedt & P.E. de Josselin de Jong, "The Maritime Laws of Malacca", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 29, Pt. 3, 1956, hlm. 22-59; Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, The Hague: B.V. de Nederlandsche Boek, 1976; G.W.J. Drewes, "On a Recent Edition of the *Undang-Undang Melaka: A Review*", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 53, Pt. 1, 1980, hlm. 23-49; Abu Hassan Sham, *Hukum Kanun Melaka*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 1995; Khasnor Johan, "The Undang-Undang Melaka: Reflections on Malay Society in Fifteenth Century Malacca", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 72, Pt. 2, 1999, hlm. 131-150.

<sup>8</sup> Untuk maklumat lanjut tentang *Undang-Undang Kedah*, lihat Mariyam Salim (ed.), *Undang-Undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005; R.O. Winstedt, "Kedah Laws", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. VI, Pt. 2, 1928, hlm. 1-44.

<sup>9</sup> Untuk maklumat lanjut tentang *Undang-Undang 99 Perak*, lihat J. Rigby, "The Ninety-Nine Laws of Perak", dalam R.J. Wilkinson (ed.), *Papers of Malay Subjects*, Vol. 2, Part. 2, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur: F.M.S. Govt. Press, 1907; Richard Winstedt, "An Old Minangkabau Legal Digest from Perak", *Journal of Malaysian Branch of*

Antara contoh soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan kandungan sukatan mata pelajaran Sejarah Tingkatan 5 yang boleh diberikan perhatian dalam tajuk ini oleh para guru adalah seperti berikut:

1. Sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin Malaysia, apakah ciri-ciri sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang akan anda laksanakan?
2. Pada pendapat anda, wajarkah kita mengambil mencontohi sistem pemerintahan negara lain sebagaimana negeri Johor, Perak dan Pahang yang mencontohi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
3. Apakah ciri-ciri sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang wajar dicontohi oleh pemimpin pada masa kini?

### **Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor (3.3.1)**

Berdasarkan *Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima*, dinyatakan bahawa Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor diperkenalkan oleh Sultan Abu Bakar dan merupakan perlembagaan bertulis yang teratur dan lengkap yang dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 1895. Antara kandungan undang-undang tersebut ialah keturunan sultan sebagai pewaris takhta, pengiktirafan orang Melayu sebagai rakyat Johor dan agama Islam sebagai agama negeri, selain diasaskan mengikut perlembagaan Barat. Raja pula hendaklah berbangsa Melayu, lelaki, beragama Islam dan merupakan waris pemerintah Johor. Raja juga berhak memilih Menteri Besar, manakala jawatan Naib Menteri Besar pula ditentukan oleh Jemaah Menteri dengan perkenan Raja.<sup>10</sup>

---

*Royal Asiatic Society*, Vol. 26, Pt. 1, 1953, hlm. 1-67; J. Rigby & R.J. Wilkinson, "The Ninety-Nine Laws of Perak", dalam M.B. Hooker (ed.), *Readings in Malay Adat Laws*, Singapore: Singapore University Press, 1970; Ahmad Jelani Halimi & Ishak Saat, *Warisan Melayu Perak*, Batu Pahat, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2010 (tajuk "Pengaruh Islam dalam Undang-Undang Melayu: Kes Undang-Undang 99 Perak).

<sup>10</sup> Ramlah Adam et al., *Sejarah Tingkatan Lima*, hlm. 80-81.

Majlis Mesyuarat Kerajaan pula dibahagikan kepada dua, iaitu Majlis Negeri yang mempunyai kuasa perundangan, dan Jemaah Menteri yang mempunyai kuasa pelaksanaan. Menteri dan Jemaah Pangkuan Negeri juga dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa atau kerajaan lain. Majlis Negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua dan bertanggungjawab membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam mentadbir negeri dan rakyat seperti yang termaktub dalam Fasal 49 perlembagaan berkenaan. Jemaah Menteri pula terdiri daripada 8 hingga 12 orang pegawai kanan kerajaan yang menjadi ahli Majlis Negeri, dan mestilah berbangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan rakyat Johor. Setiap pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Menteri pula mesti mengangkat sumpah dan memberikan taat setia kepada Raja serta kerajaan Johor. Persidangan Jemaah Menteri pula perlu diadakan sebulan sekali atau pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh Raja atau diminta oleh Menteri Besar atau Naib Menteri Besar atau dengan permintaan tiga orang ahli Jemaah Menteri. Penggubalan perlembagaan bertulis ini didorong oleh keinginan pemerintah Johor untuk membentuk kerajaan bercorak demokrasi bagi menggantikan pemerintahan raja berkuasa mutlak. Pengisytiharan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor berjaya memantapkan sistem pentadbiran Johor bagi menghalang rancangan British menguasai negeri Johor.<sup>11</sup>

Untuk maklumat lanjut tentang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, guru-guru dicadangkan merujuk tulisan-tulisan berikut.<sup>12</sup> Undang-undang tersebut telah diisytiharkan secara rasmi oleh Sultan Johor, Sultan Abu Bakar pada 13 September 1895 Masihi bersamaan

---

<sup>11</sup> Ibid., hlm. 82.

<sup>12</sup> Untuk maklumat lanjut tentang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, lihat Abd. Jalil Borham, *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*, Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002; Abd. Jalil Borham, *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan, dan Komentari*, Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002; Bharuddin Che Pa, "Pengaruh Islam Dalam Sejarah Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895", *Journal of al-Tamaddun*, Disember-Januari 2007, hlm. 89-112; Mardiana Nordin, "Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895: Penguatan Sistem Penggantian Kesultanan Johor", dalam Mohammad Redzuan Othman et al. (ed.), *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 105-124.

dengan 24 Rabiulawal 1313 Hijrah di Istana Besar, Johor Bahru. Draf awal perlembagaan ini telah dibuat oleh Dato' Jaafar dan Dato' Abdul Rahman sebelum digubal oleh sebuah syarikat guaman di Singapura iaitu "Messrs Rodyk and Davidson" seterusnya dibahaskan secara lebih teliti dalam persidangan Jemaah Menteri. Kandungan undang-undang tersebut juga banyak merujuk kepada kitab berjudul *Thamarat al-Muhimmah* tulisan Raja Ali Haji. Selain Sultan Abu Bakar, beberapa kerabat Sultan Johor turut menurunkan tandatangan ketika istiadat perasmian Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor iaitu Ungku Muhammad Khalid ibni Almarhum Temenggong Ibrahim dan Tengku Mahkota Ibrahim, selain Jemaah Menteri dan anggota-anggota Mesyuarat Kerajaan Johor.<sup>13</sup>

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor mempunyai keseluruhan 64 fasal dan terbahagi kepada 4 bahagian. Bahagian pertama dengan tajuk "Raja dan Kerajaan mengandungi 27 fasal, manakala bahagian kedua dengan tajuk "Jemaah Menteri" mempunyai 17 fasal. Bahagian ketiga pula bertajuk "Mesyuarat Kerajaan" dan mempunyai 12 fasal, manakala bahagian terakhir iaitu bahagian empat bertajuk "Pelbagai Ingatan" dan mempunyai 8 fasal.<sup>14</sup> Antara kesitimewaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor ialah selain merupakan undang-undang tubuh pertama yang digubal di negeri-negeri Melayu, undang-undang tersebut juga merupakan undang-undang pertama di Tanah Melayu yang mewujudkan konsep pengasingan kuasa antara badan kehakiman dengan badan eksekutif seperti yang diamalkan pada hari ini.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Abd. Jalil Borham, *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*, Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002, hlm. 83.

<sup>14</sup> Bahagian awal perjanjian tersebut membincangkan beberapa frasa seperti takrif Raja, Waris-waris, Waris yang kedua, Waris yang lain, Menteri Ketua, Jemaah Menteri dan Jemaah Pangkuan Negeri. Lihat Mardiana Nordin, "Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895: Pengukuhan Sistem Penggantian Kesultanan Johor", dalam Mohammad Redzuan Othman et al. (ed.), *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 105.

<sup>15</sup> M.A. Fawzi Mohd Basri, *Warisan Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 11.

Antara contoh soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan kandungan sukatan mata pelajaran Sejarah Tingkatan 5 dalam subtajuk ini yang boleh diberikan perhatian oleh para guru adalah seperti berikut:

1. Apakah kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor yang wajar dipraktikkan pada hari ini bagi memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat?
2. Cadangkan langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah rakyat yang menolak sistem raja berperlembagaan yang dipraktikkan di Malaysia pada hari ini.
3. Berdasarkan perkembangan konflik politik antara kuasa besar dunia pada hari ini, ramalkan kepentingan perlembagaan bertulis pada masa depan.

### **Sistem Jemaah Menteri di Kelantan (3.3.2)**

Berdasarkan *Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima*, dinyatakan bahawa Sistem Jemaah Menteri di Kelantan diperkenalkan bertujuan untuk melicinkan pentadbiran dan pemerintahan dan diamalkan semasa pemerintahan Sultan Muhammad I (1801-1836). Baginda melantik beberapa orang pembesar untuk membantu pentadbiran baginda. Pengganti baginda iaitu Sultan Muhammad II (1836-1886) telah memperkemas Sistem Jemaah Menteri dengan mewujudkan lapan badan Jemaah Menteri. Setiap satunya dianggotai oleh empat orang pembesar, manakala setiap Jemaah Menteri mempunyai bidang tugas masing-masing.<sup>16</sup>

Lapan badan Jemaah Menteri itu ialah Jemaah Penasihat Raja yang mengurus perkara dan urusan penting yang bukan rahsia; Jemaah Menteri Istana yang mengurus istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh negeri Kelantan; Jemaah Menteri Keadilandan Kehakiman yang mengendalikan urusan penting tentang keadilan dan kehakiman; Jemaah Menteri Dalam Negeri yang menjaga keamanan negeri; Jemaah Menteri Luar Negeri yang mengurus dasar dan hal

---

<sup>16</sup> Ramlah Adam et al., *Sejarah Tingkatan Lima*, hlm. 82.



ehwal luar negara; Jemaah Menteri Perbendaharaan yang mengendalikan harta benda dan hasil mahsul; Jemaah Menteri Peperangan yang mengurus pertahanan dan keamanan negeri; dan Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimarah Negeri yang mengurus kemajuan dan pembangunan negeri. Sejak tahun 1842, Sultan Muhammad II juga telah melakukan beberapa perubahan bagi mengukuhkan struktur pentadbiran Kelantan seperti menyingkirkan kerabat diraja yang terlibat dalam perebutan kuasa. Mereka telah digantikan dengan golongan pembesar yang digelar Nik dan Wan yang telah memberikan sepenuh taat setia kepada baginda.<sup>17</sup>

Terdapat beberapa tulisan yang membincangkan sistem pemerintahan dan Sistem Jemaah Menteri yang diamalkan di Kelantan secara lebih mendalam dan terperinci.<sup>18</sup> Terdapat juga perbincangan mengenai tempoh pemerintahan sebenar Sultan Muhammad I dan Sultan Muhammad II.<sup>19</sup> Zaman Sultan Muhammad I juga menyaksikan kewujudan Majlis Negeri atau Majlis Mesyuarat dan Muafakat yang terdiri daripada kerabat diraja Kelantan dan bertanggungjawab menyelesaikan masalah penggantian pemerintah Kelantan dan melantik Sultan Kelantan.<sup>20</sup>

Berkenaan undang-undang bertulis di Kelantan sebelum merdeka, secara umumnya tiada bukti jelas bahawa sudah wujud undang-undang bertulis yang lengkap sebagaimana di Johor (1895) dan Terengganu (1911). Pelaksanaan undang-undang Islam secara berkesan di Kelantan

---

<sup>17</sup> Ibid., hlm. 83-84.

<sup>18</sup> Untuk maklumat lanjut tentang Sistem Jemaah Menteri di Kelantan, lihat Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1979, Bab IV & Bab V; Ishak Shaari, "Keadaan Ekonomi dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan Pada Abad Ke-19", dalam *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 19-21.

<sup>19</sup> Menurut Mohd. Taib Osman, pemerintah Kelantan pada awal abad ke-19 ialah Sultan Muhammad I / Long Muhammad (1800-1835). Kemangkatan baginda pada tahun 1835 menyebabkan saudaranya Long Zainal (1835-1837) dilantik menjadi pemerintah Kelantan, sebelum digantikan oleh Sultan Muhammad II / Tuan Senik Mulut Merah (1837-1886). Lihat Mohd. Taib Osman, "A Note on Abdullah's Account of the Kelantan Civil War in His Kesah Pelayaran Abdullah", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 120, No. 3, 1964, hlm. 349. Menurut C. Skinner pula, Sultan Muhammad I / Long Muhammad (1800-1838) memerintah Kelantan sehingga baginda meninggal dunia pada tahun 1838. Baginda kemudian digantikan dengan saudaranya Raja Zainal / Raja Banggul (1837-1838), sebelum digantikan oleh Sultan Muhammad II / Raja Senik / (1838-1886). Lihat C. Skinner, "The Dating of the Civil War in Kelantan Referred to in the Kesah Pelayaran Abdullah", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 121, No. 4, 1965, hlm. 436.

<sup>20</sup> Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan*, hlm. 92.

telah dilaksanakan semasa pemerintahan Sultan Muhammad II (1838-1886) dan Sultan Muhammad III (1886-1891). Sultan Muhammad II bukan sahaja telah mewujudkan institusi kehakiman Islam, tetapi juga telah memperkenalkan jemaah menteri dan keadilan. Mufti pula telah dilantik sebagai Ketua Hakim yang ketika itu dijawat oleh Tuan Guru Haji Yaacob merangkap penasihat kerajaan. Sultan Muhammad III pula telah mengukuhkan lagi kedudukan undang-undang Islam di Kelantan dengan meletakkan hukum syarak sebagai undang-undang asas di Kelantan. Misalnya kesalahan mencuri akan dikenakan hukuman potong tangan, manakala penzina pula pernah dihukum rejam sampai mati. Malah Sultan Muhammad III juga telah membenarkan salah satu balai istana baginda untuk digunakan sebagai mahkamah rayuan.<sup>21</sup> Selain menjadi pakar rujuk dalam soal keagamaan serta dibantu oleh kadi dalam perbicaraan di mahkamah, mufti juga bertanggungjawab menyimpan buku dan rekod imam serta pentadbiran masjid di Kelantan.<sup>22</sup>

Terdapat beberapa contoh soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan kandungan sukatan mata pelajaran Sejarah Tingkatan 5 dalam subtajuk ini yang boleh diberikan perhatian oleh para guru seperti berikut:

1. Sekiranya anda menjadi pemimpin pada masa depan, apakah pendekatan pemerintah Kelantan pada abad ke-19 yang boleh dilaksanakan bagi memantapkan pentadbiran?
2. Pada pendapat anda, apakah persamaan Sistem Jemaah Menteri yang diamalkan di Kelantan pada abad ke-19 dengan Sistem Jemaah Menteri di Malaysia pada hari ini?

---

<sup>21</sup> Zaini Nasohah, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia: Sebelum dan Menjelang Merdeka*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2004, hlm. 14.

<sup>22</sup> William R. Roff, "The Origin and Early Years of the Majlis Ugama", dalam William R. Roff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hlm. 106. Di Kelantan, jawatan mufti telah mendahului penubuhan institusi fatwa atau Pejabat Mufti yang kini dikenali sebagai Jabatan Mufti. Malah Kelantan juga merupakan antara negeri terawal yang mempunyai mufti, iaitu sejak tahun 1830-an lagi iaitu ketika pemerintahan Sultan Muhammad II (1837-1886). Lihat Abdullah Alwi Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 3.

3. Apakah ciri-ciri Sistem Jemaah Menteri pada zaman Sultan Muhammad II yang wajar dicontohi oleh pemimpin pada hari ini?

### **Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu (3.3.3)**

Berdasarkan *Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima*, dinyatakan bahawa Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu diluluskan oleh Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) yang memerintah Terengganu selepas kemangkatan ayahanda baginda, iaitu Sultan Ahmad Shah pada tahun 1911. Undang-undang ini juga dikenali sebagai *Ittiqan-ilmuluk bi-ta'dil il-suluk* yang bermaksud keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan. Undang-undang ini digubal berasaskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Tujuan baginda memperkenalkan perlembagaan tersebut adalah untuk menghalang British meluaskan kuasanya di Terengganu. Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu 1911 menghasilkan beberapa perubahan penting dalam pentadbiran dan pemerintahan negeri Terengganu. Undang-undang ini masih mengekalkan amalan sistem monarki dengan memberikan kedudukan yang istimewa kepada agama Islam sebagai agama rasmi negeri. Sistem beraja di Terengganu juga bercorak raja berperlembagaan. Pemerintah Terengganu mesti beragama Islam, berbangsa Melayu, lelaki, dan merupakan waris Sultan yang memerintah Terengganu. Dalam melaksanakan pemerintahan, Sultan dibantu oleh Majlis Mesyuarat. Menteri yang menganggotai Mesyuarat Kerajaan pula mestilah beragama Islam, berbangsa Melayu, rakyat Terengganu, serta mengaku taat setia kepada Sultan dan kerajaan.<sup>23</sup>

Majlis Mesyuarat Kerajaan diketuai oleh Menteri Besar yang dilantik oleh Sultan. Jemaah Menteri pula berhak memilih Naib Menteri Besar setelah diperkenankan oleh Sultan. Ahli Mesyuarat Kerajaan bertanggungjawab membantu Sultan dan Jemaah Menteri untuk mentadbir negeri, menggubal undang-undang dan peraturan negeri, menjaga kebajikan rakyat,

---

<sup>23</sup> Ramlah Adam et al., *Sejarah Tingkatan Lima*, hlm. 84-85.

menjaga keamanan negeri dan menjalinkan hubungan persahabatan dengan negeri lain. Waris Sultan atau Menteri dilarang mengkhianati pemerintah negeri dan ditegah daripada menyerahkan negeri kepada kuasa lain. Pemerintah Terengganu menyedari kepentingan perlembagaan bertulis yang mantap untuk menjamin sistem pentadbiran yang berkesan. Perlembagaan bertulis ini juga menggambarkan kebijaksanaan pemerintah Terengganu untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dan sebagai benteng bagi mengekalkan kedaulatan negeri Terengganu.<sup>24</sup>

Perbincangan tentang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu yang diamalkan di Terengganu turut dibincangkan dalam beberapa tulisan berikut.<sup>25</sup> Tajuk dokumen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu yang asal ialah “Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu” atau *Itqan al-Muluk bi Ta’dil al-Suluk* dan diisytiharkan secara rasmi pada 11 Zulkaedah 1329 Hijrah bersamaan 2 November 1911. Undang-undang tersebut mengandungi satu prakata, satu mukadimah, 53 fasal, dan satu *khatimah* (penutup). Kandungan undang-undang tersebut jelas memaparkan pengaruh Islam dalam pelbagai aspek, selain turut menekankan kepada kewajipan mempertahankan adat warisan Melayu dalam beberapa aspek. Tujuan utama penggubalan undang-undang tersebut ialah bagi menangkis pengaruh penjajah

---

<sup>24</sup> Ibid., hlm. 86.

<sup>25</sup> Hashim Musa & Adi Yasran, “Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911: Kuasa Raja dan Pengaruh Islam dalam Sebuah Kerajaan Melayu”, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 29, No. 1, 2011, hlm. 67-77; Mohd Nazri Chik, “Perlembagaan *Itqan al-Muluk bi Ta’dil al-Suluk* 1911 Ditinjau Dari Aspek Latar Belakang dan Pengaruhnya Kepada Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Terengganu”, Tesis Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006; Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., “Perlembagaan *Itqan Muluk* dan Nasionalisme Melayu-Islam”, *Iman - International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 4, No. 2, 2016, hlm. 57-72; Nik Haslinda Nik Hussain, “Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, 1911 dan Pengekalan Status Melayu Islam Terengganu”, *Melayu - Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 7, No. 1, 2014, hlm. 41-59; Heather Sutherland, “The Transformation of the Trengganu Legal Order”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 11, No. 1, 1980, hlm. 1-29; Tuan Ruhani Tuan Shariff, “Pentadbiran Agama Islam di Terengganu Dari Tahun 1911 Hingga 1930-an”, *Jebat*, Vol. 13, 1984/1985, hlm. 119-148; Anwar Omar Din et al., *Dirgahayu Tuanku: Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2011.

Barat yang cuba menjajah dan menguasai negeri-negeri Melayu, seperti yang tercatat dalam Fasal 14 bertajuk “Tegahan di atas Raja”.<sup>26</sup>

Antara keistimewaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu ialah pernyataan bahawa raja juga tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan hukum syarak. Selain itu, raja juga hendaklah tiada kecacatan yang besar yang menyalahi sifat raja-raja ataupun mempunyai sifat keji yang tidak diharuskan oleh syarak. Ketika membuat sesuatu keputusan, raja juga digalakkan untuk mengadakan mesyuarat walaupun baginda memiliki kuasa budi bicara untuk melantik, memecat atau menjatuhkan hukuman.<sup>27</sup> Berbanding *Hukum Kanun Melaka* yang jelas memaparkan pengaruh feudalisme Melayu, pengaruh tersebut agak kurang dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu, tetapi lebih bercirikan semangat dan prinsip Islam sejati. Malah pengaruh undang-undang Islam juga begitu jelas dalam undang-undang tersebut kerana faktor pendidikan Islam yang berkembang dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu.<sup>28</sup>

Berikut adalah antara contoh soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan kandungan sukatan mata pelajaran Sejarah Tingkatan 5 dalam subtajuk ini yang boleh diberikan perhatian oleh para guru:

1. Apakah kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu yang boleh dipraktikkan pada hari ini bagi memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat?
2. Bincangkan persamaan unsur Islam yang terdapat dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

<sup>26</sup> Hashim Musa & Adi Yasran, “Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911: Kuasa Raja dan Pengaruh Islam dalam Sebuah Kerajaan Melayu”, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 29, No. 1, 2011, hlm. 68.

<sup>27</sup> Nik Haslinda Nik Hussain, “Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, 1911 dan Pengekalan Status Melayu Islam Terengganu”, *Melayu - Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 7, No. 1, 2014, hlm. 43.

<sup>28</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., “Perlembagaan *Itqan Muluk* dan Nasionalisme Melayu-Islam”, *Iman - International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 4, No. 2, 2016, hlm. 62.

3. Cadangkan langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah rakyat yang tidak setia kepada negara dalam kalangan masyarakat pada hari ini.

### **Prinsip Demokrasi dan Konsep Persekutuan di Negeri Sembilan (3.3.4)**

Berdasarkan *Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima*, dinyatakan bahawa Negeri Sembilan terdiri daripada sembilan buah negeri, iaitu Sungai Ujong, Rembau, Johol, Jelebu, Jempol, Seri Menanti, Inas, Terachi dan Gunung Pasir. Negeri Sembilan juga sudah mempunyai rajanya sendiri pada abad ke-18, iaitu Raja Melewar (gelaran Yamtuan Besar) dan bersemayam di Seri Menanti. Negeri Sembilan merupakan negeri Melayu pertama yang bentuknya serupa dengan sistem persekutuan sebelum terbentuknya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) melalui Perjanjian Persekutuan 1896. Negeri Sembilan juga mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih, iaitu kedaulatan berada di tangan rakyat. Pelantikan pemimpin dibuat dari peringkat paling bawah, iaitu Anak Buah, diikuti oleh Buapak, Lembaga dan Undang yang kemudiannya melantik Yang Dipertuan Besar. Dalam Adat Perpatih, Yang Dipertuan Besar merupakan pemerintah tertinggi tetapi baginda tidak berhak melantik pembesar kerana pelantikan tersebut dibuat oleh Undang, Lembaga, Buapak dan Anak Buah. Setiap keputusan Yang Dipertuan Besar dibuat setelah baginda berunding dengan Undang.<sup>29</sup>

Negeri Sembilan dibahagikan kepada beberapa daerah atau jajahan yang disebut luak. Empat luak yang utama ialah Rembau, Sungai Ujong, Jelebu dan Johol. Ketua setiap luak ialah Undang dan mereka ini dipilih oleh Lembaga. Undang dipertanggungjawabkan untuk melantik Yang Dipertuan Besar. Di bawah Undang ialah Lembaga dan Lembaga ini dilantik oleh Buapak. Lembaga merupakan ketua suku anggota masyarakat. Setiap Lembaga bertanggungjawab terhadap suku masing-masing. Lembaga berkuasa memilih individu yang layak menjadi Undang.

<sup>29</sup> Ramlah Adam et al., *Sejarah Tingkatan Lima*, hlm. 87-88.

Buapak juga merupakan Ketua Perut dan tempat rujukan bagi setiap masalah khususnya, yang berkaitan dengan adat. Setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah. Sistem ini tidak mengamalkan kuasa mutlak tetapi mengagihkan kuasa tersebut kepada individu mengikut peringkat. Sistem pemilihan pemimpin di Negeri Sembilan jelas mempunyai unsur demokrasi, malah telah melahirkan peraturan hidup seperti kepentingan bersama, semangat bergotong-royong, permuafakatan dan sikap saling menghormati antara satu sama lain. Sistem ini lebih mementingkan permuafakatan dan semangat kerjasama antara suku semasa memilih pemimpin.<sup>30</sup>

Untuk maklumat lanjut tentang sistem pemerintahan demokrasi dan Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan, para guru boleh merujuk tulisan-tulisan berikut.<sup>31</sup> Perbincangan tentang luak yang terkandung dalam Negeri Sembilan masih menjadi perdebatan dalam kalangan

---

<sup>30</sup> Ibid., hlm. 88.

<sup>31</sup> Untuk maklumat lanjut tentang sistem pemerintahan demokrasi dan Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan, lihat C.W.C. Parr & W.H. Mackray, "Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs", *Journal of Straits Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 56, 1910, hlm. 1-157; R.O. Winstedt, "Negri Sembilan: The History, Polity and Beliefs of Nine States", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 12, Pt. 3, 1934, hlm. 35-111; R.O. Winstedt & P.E. de Josselin de Jong, "A Digest of Customary Law from Sungai Ujong", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 27, Pt. 3, 1954, hlm. 1-71; M. B. Hooker, "The Relationship between the Adat and the State Constitution of Negeri Sembilan", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 42, Pt. 2, 1969, hlm. 155-172; Nordin Selat, *Criminal Law in Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Museums Department, 1971; Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1976; Norhalim Hj. Ibrahim, "Social Change in Rembau", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 50, Pt. 2, 1977, hlm. 136-149; Norhalim Hj. Ibrahim, "Some Observations on Adat and Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan", *Southeast Asian Studies*, Vol. 26, No.2, 1988, hlm.150-165; Durrishah Idrus, "Adat Perpatih dan Islam", dalam Norazit Selat (ed.), *Negeri Sembilan: Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, 1990, hlm. 43-52; Norazit Selat, "Adat Perpatih dan Pembangunan Negara", dalam Norazit Selat (ed.), *Negeri Sembilan: Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, 1990, hlm. 35-42; *Adat Perpatih: A Matrilineal Systems in Negeri Sembilan, Malaysia and Other Matrilineal Kinship Systems Throughout the World*, Kuala Lumpur: WINSTRAC Sdn. Bhd., 1992; Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1993; Michael G. Peletz, "Comparative Perspectives on Kinship and Cultural Identity in Negeri Sembilan", *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, Vol. 9, No. 1, 1994, hlm. 1-53; Shamsul Amri Baharuddin, *Syarahan Negeri Sembilan Adat Perpatih Menungkah Zaman: Pembinaan Kembali Kewargaan Komuniti Adat*, Seremban, Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2007; Mohd. Rosli Saludin, *Hari-Hari Mendatang Adat Perpatih*, Bukit Mertajam, Pulau Pinang: Goal Intelligent Publishing, 2007; Khalid Bonget, *Adat Semenda Menyemenda Dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan*, Seremban, Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2007; Mohd. Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, Shah Alam, Selangor: Karisma Publications, 2009; *Sistem Sosial Adat Perpatih di Luak Inas*, Seremban: Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2011.

sarjana sehingga ke hari ini.<sup>32</sup> Sebelum Raja Melewar dilantik sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan, wilayah tersebut berada di bawah penguasaan kerajaan Johor.<sup>33</sup> Minangkabau kemudian telah menghantar wakil mereka iaitu Raja Melewar untuk menjadi pemerintah wilayah tersebut. Sultan Johor kemudian telah memperkenankan pelantikan Raja Melewar dan baginda telah dikurniakan sebuah cap mohor. Baginda kemudian menuju ke Penajis di Rembau sebelum ditabalkan secara rasmi sebagai Yang Dipertuan Besar pada tahun 1773.<sup>34</sup>

Secara umumnya, Adat Perpatih berasal dari Sumatera Barat dan tidak ditulis, sebaliknya lebih kepada sastera lisan. Walaupun Adat Perpatih diamalkan secara meluas di Negeri Sembilan, namun hanya masyarakat Melayu yang tinggal di daerah Rembau, Kuala Pilah, Jelebu, Jempul, Tampin dan Seremban sahaja yang mengamalkan adat ini secara meluas. Masyarakat Melayu di daerah Port Dickson sebaliknya mengamalkan Adat Temenggung, melainkan mereka yang tinggal di sempadan daerah Seremban yang turut mengamalkan Adat Perpatih.<sup>35</sup>

Negeri Sembilan dari satu segi sebenarnya terbahagi kepada 13 unit pentadbiran atau luak iaitu Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Inas, Linggi, Gemencheh, Air Kuning dan daerah Tunku Bear Tampin. Semua luak tersebut pula dibahagikan kepada empat kelompok. Kelompok pertama ialah Seri Menanti yang dikelilingi oleh kelompok kedua iaitu empat luak tanah mengandung yang terdiri dari Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Kelompok ketiga ialah empat luak pilihan iaitu Rembau, Sungai

---

<sup>32</sup> Maklumat terawal tentang sembilan negeri tersebut terdapat dalam perjanjian bertarikh 11 November 1759 antara David Bulen, Gabenor Melaka dengan Raja Muda Daing Kemboja Linggi, Raja Tua Kelang dan Datuk Rembau, yang mewakili Rembau dan Sembilan negeri. Lihat Norhalim Hj. Ibrahim, "Some Observations on Adat and Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan", *Southeast Asian Studies*, Vol. 26, No.2, 1988, hlm. 150.

<sup>33</sup> Lihat Abdul Samad Idris, *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Utusan Printcorps Sdn. Bhd., 1988, hlm. 33.

<sup>34</sup> Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 45.

<sup>35</sup> Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1993, hlm. 6. Terdapat juga masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih di luar Negeri Sembilan seperti di Nanning, Melaka serta di Lukut, Kota Tinggi, Johor. Lihat Norhalim Hj. Ibrahim, "Some Observations on Adat and Adat Leadership in Rembau", hlm. 150.



Ujong, Jelebu, dan Johol (empat luak yang utama). Kelompok terakhir iaitu kelompok keempat ialah daerah Tunku Besar Tampin. Undang juga digelar Penghulu khususnya selain daripada empat luak utama iaitu Rembau, Sungai Ujong, Jelebu dan Johol.<sup>36</sup>

Berdasarkan kandungan sukatan mata pelajaran Sejarah Tingkatan 5 dalam subtajuk ini, terdapat beberapa soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang boleh diberikan perhatian oleh para guru seperti berikut:

1. Berdasarkan Adat Perpatih, apakah prinsip demokrasi yang boleh dipraktikkan pada hari ini bagi memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat?
2. Apakah persamaan antara Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan dengan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia pada hari ini?
3. Merujuk kepada konsep persekutuan yang diamalkan di Malaysia pada masa kini, ramalkan pemerintahan negara pada masa depan.

## **Kesimpulan**

Tajuk “Warisan Negeri-Negeri Melayu” merupakan antara tajuk yang penting dalam sukatan pelajaran Sejarah Tingkatan 5. Jika ditinjau kepada soalan peperiksaan SPM untuk mata pelajaran Sejarah bagi lima tahun yang lepas (2012-2016), beberapa subtajuk dalam tajuk ini sudah lama tidak keluar dalam peperiksaan. Oleh itu, guru digalakkan untuk memberi tumpuan kepada tajuk ini dengan membuat pelbagai latihan menjawab soalan atau membincangkan tajuk tersebut secara lebih mendalam bagi memastikan para pelajar dapat menjawab soalan berkaitan tajuk ini dengan baik bukan sahaja dalam Kertas 2, tetapi juga dalam Kertas 1 dan Kertas 3.

---

<sup>36</sup> Diane Lewis, “Inas: A Study of Local History”, *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 33, Pt. 1, 1960, hlm. 65.

Kertas kerja ini tidak membincangkan tajuk dan subtajuk berkaitan “Warisan Negeri-Negeri Melayu” secara mendalam dan panjang lebar. Hal ini kerana perbincangan mendalam khususnya berkaitan tajuk dan subtajuk adalah terlampau besar dan luas, sekali gus agak mustahil untuk dibincangkan dalam kertas kerja ini yang bersifat ringkas. Malah setiap subtajuk tersebut memerlukan kertas kerja khusus bagi membincangkan pelbagai isu dan persoalan berkaitan subtajuk tersebut secara mendalam. Namun begitu, perbincangan ringkas yang terdapat dalam kertas kerja ini sekurang-kurangnya dapat memantapkan pemahaman guru sejarah terhadap sesuatu peristiwa sejarah, sekali gus dapat memberikan maklumat lanjut atau huraian tambahan kepada para pelajar berkaitan sesuatu peristiwa sejarah yang penting, tetapi tidak terdapat dalam buku teks.

### Senarai Rujukan

- Abd. Jalil Borham, *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*, Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002.
- Abd. Jalil Borham, *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan, dan Komentari*, Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002.
- Abdul Kadir Hj. Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Abdul Samad Idris, *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Utusan Printcorps Sdn. Bhd., 1988.
- Abdullah Alwi Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Abu Hassan Sham, *Hukum Kanun Melaka*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 1995.
- Adat Perpatih: A Matrilineal Systems in Negeri Sembilan, Malaysia and Other Matrilineal Kinship Systems Throughout the World*, Kuala Lumpur: WINSTRAC Sdn. Bhd., 1992.
- Ahmad Jelani Halimi & Ishak Saat, *Warisan Melayu Perak*, Batu Pahat, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2010.
- Anwar Omar Din et al., *Dirgahayu Tuanku: Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2011.
- Asrul Zamani, *The Malay Ideals*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre, 2002.
- Bharuddin Che Pa, “Pengaruh Islam Dalam Sejarah Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895”, *Journal of al-Tamaddun*, Disember-Januari 2007, hlm.89-112.
- Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

- Drewes, G.W.J., "On a Recent Edition of the *Undang-Undang Melaka: A Review*", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 53, Pt. 1, 1980, hlm. 23-49.
- Durrishah Idrus, "Adat Perpatih dan Islam", dalam Norazit Selat (ed.), *Negeri Sembilan: Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, 1990, hlm. 43-52.
- Hashim Musa & Adi Yasran, "Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911: Kuasa Raja dan Pengaruh Islam dalam Sebuah Kerajaan Melayu", *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 29, No. 1, 2011, hlm. 67-77.
- Heather Sutherland, "The Transformation of the Trengganu Legal Order", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 11, No. 1, 1980, hlm. 1-29.
- Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Sejarah Tingkatan 5*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002.
- Ishak Shaari, "Keadaan Ekonomi dan Struktur Maysrakat Melayu Kelantan Pada Abad Ke-19", dalam *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 19-21.
- Jakeman, R.W., "The Pahang Kanun of Sultan Abdul Ghafur, Another Text", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. XXIV, Pt. 3, 1951, hlm.137-1501.
- Kempe, J.E. & R.O. Winstedt, "A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah, Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. with Undated Additions", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 21, Pt. 1, 1948, hlm. 1-67.
- Khalid Bonget, *Adat Semenda Menyemenda Dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan*, Seremban, Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2007.
- Khasnor Johan, "The Undang-Undang Melaka: Reflections on Malay Society in Fifteenth Century Malacca", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 72, Pt. 2, 1999, hlm. 131-150.
- Lewis, Diane, "Inas: A Study of Local History", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 33, Pt. 1, 1960, hlm. 65-64.
- Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, The Hague: B.V. de Nederlandsche Boek, 1976.
- Liaw Yock Fang, *A History of Classical Malay Literature*, Terj. Razif Bahari & Harry Aveling, Singapore: ISEAS Publishing, 2013.
- M.A. Fawzi Mohd Basri, *Warisan Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.
- Mardiana Nordin, "Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895: Pengukuhan Sistem Penggantian Kesultanan Johor", dalam Mohammad Redzuan Othman et al. (ed.), *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 105-124.
- Mariyam Salim (ed.), *Undang-Undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Mohd Nazri Chik, "Perlembagaan *Itqan al-Muluk bi Ta`dil al-Suluk* 1911 Ditinjau Dari Aspek Latar Belakang dan Pengaruhnya Kepada Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Terengganu", Tesis Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Mohd. Rosli Saludin, *Hari-Hari Mendatang Adat Perpatih*, Bukit Mertajam, Pulau Pinang: Goal Intelligent Publishing, 2007.
- Mohd. Rosli Saludin, *Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Perpatih*, Shah Alam, Selangor: Karisma Publications, 2009.

- Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, "Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia", *Jebat*, Vol. 39, No. 2, 2012, hlm. 116-141.
- Muhamamd Yusoff Hashim, "Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka di Abad ke-15/16", dalam Khoo Kay Kim, Mohd Fadzil Othman dan Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Nik Haslinda Nik Hussain, "Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, 1911 dan Pengekalan Status Melayu Islam Terengganu", *Melayu - Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 7, No. 1, 2014, hlm.41-59.
- Norazit Selat, "Adat Perpatih dan Pembangunan Negara", dalam Norazit Selat (ed.), *Negeri Sembilan: Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, 1990, hlm. 35-42.
- Nordin Selat, *Criminal Law in Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Museums Department, 1971.
- Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1976.
- Norhalim Hj. Ibrahim, "Social Change in Rembau", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 50, Pt. 2, 1977, hlm. 136-149.
- Norhalim Hj. Ibrahim, "Some Observations on Adat and Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan", *Southeast Asian Studies*, Vol. 26, No. 2, 1988, hlm.150-165.
- Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1993.
- Parr, C.W.C. & W.H. Mackray, "Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs", *Journal of Straits Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 56, 1910, hlm. 1-157.
- Peletz, Michael G., "Comparative Perspectives on Kinship and Cultural Identity in Negeri Sembilan", *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, Vol. 9, No. 1, 1994, hlm. 1-53.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., "Perlembangaan Itqan Muluk dan Nasionalisme Melayu-Islam", *Iman - International Journal of the Malay World and Civilisation*, Vol. 4, No. 2, 2016, hlm. 57-72.
- Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, 1979.
- Rigby, J., "The Ninety-Nine Laws of Perak", dalam R.J. Wilkinson (ed.), *Papers of Malay Subjects*, Vol. 2, Part. 2, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur: F.M.S. Govt. Press, 1907.
- Rigby,J. & R.J. Wilkinson, "The Ninety-Nine Laws of Perak", dalam M.B. Hooker (ed.), *Readings in Malay Adat Laws*, Singapore: Singapore University Press, 1970.
- Ramlah Adam et al., *Sejarah Tingkatan Lima: Buku Teks*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Roff, William R., "The Origin and Early Years of the Majlis Ugama", dalam William R. Roff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974.
- Shamsul Amri Baharuddin, *Syarah Negeri Sembilan Adat Perpatih Menungkah Zaman: Pembinaan Kembali Kewargaan Komuniti Adat*, Seremban, Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2007.
- Sistem Sosial Adat Perpatih di Luak Inas*, Seremban: Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2011;
- Skinner, C., "The Dating of the Civil War in Kelantan Referred to in the Kesah Pelayaran Abdullah", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 121, No. 4, 1965, hlm. 433-437.

- Tuan Ruhani Tuan Shariff, "Pentadbiran Agama Islam di Terengganu Dari Tahun 1911 Hingga 1930-an", *Jebat*, Vol. 13, 1984/1985, hlm.119-148.
- Winstedt, R.O., "Negri Sembilan: The History, Polity and Beliefs of Nine States", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 12, Pt. 3, 1934, hlm. 35-111.
- Winstedt, Richard, "An Old Minangkabau Legal Digest from Perak", *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 26, Pt. 1, 1953, hlm.1-67.
- Winstedt, R.O., "The Date of the Malacca Legal Codes", *Journal of Royal Asiatic Society*, Pt. 1 & 2, 1953, hlm.31-33.
- Winstedt, R.O., & P.E. de Josselin de Jong, "A Digest of Customary Law from Sungai Ujong", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 27, Pt. 3, 1954, hlm. 1-71.
- Winstedt, R.O. & P.E. de Josselin de Jong, "The Maritime Laws of Malacca", *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, Vol. 29, Pt. 3, 1956, hlm. 22-59.
- Yahaya Abu Bakar, "Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Islam di Nusantara", dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Sejarah di Selat Melaka*, Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Melaka, 1984.
- Zaini Nasohah, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia: Sebelum dan Menjelang Merdeka*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2004.